



# Perbahasan Baik (*al-Husn*) dan Buruk (*al-Qubh*) menurut Aliran Kalam Asha'irah & Kerelevannya dalam Mendepani Relativisme

Mohd Khairul Naim Che Nordin, PhD  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

- “Darius si Raja Parsi telah memerintahkan orang-orang Greek menghadapnya. Beliau bertanya apakah yang mereka mahukan sekiranya mereka sanggup memakan mayat ibu bapa mereka sendiri. Orang-orang Greek menjawab bahawa mereka tidak akan melakukannya walaupun dibayar dengan wang di dunia ini. Ritual pengebumian mayat yang dilakukan oleh orang Greek adalah dengan membakar mayat. Darius kemudiannya memanggil satu suku dari India yang dinamakan Callatiae iaitu suku kaum yang memakan mayat ibubapa mereka. Orang-orang Greek turut hadir dengan disediakan penterjemah agar mereka memahami apa yang akan diperkatakan. Darius bertanya suku kaum itu apa yang akan mereka lakukan sekiranya mayat ibu bapa mereka dibakar. Suku Callatiae berteriak mendengar usulan tersebut sambil melarang Darius menyebut permintaan tersebut.”- Herodotus (484-425 BC), *The Histories*.

# Kerangka Perbincangan

- 1. Faham Relativisme
  - 1.1 Definisi dan sejarah perkembangan
  - 1.2 Ciri-ciri dan domain
  - 1.3 Relativisme sebagai ciri asas pascamodenisme
- 2. Perbahasan Baik dan Buruk menurut Asha'irah
  - 2.1 Definisi
  - 2.2 Perbahasan epistemologi
  - 2.3 Af'al al-'ibad
  - 2.4 Konsep Baik dan Buruk
- 3. Bidang kepada faham relativisme

# 1.1 Definisi relativisme

- Doktrin bahawa ilmu pengetahuan, kebenaran dan nilai moral ditentukan secara berkait dengan budaya, masyarakat dan konteks pensejarahan.
- Teori atau pengetahuan bahawa penilaian adalah relatif dan berbeza-beza menurut situasi, peristiwa dan individu yang mengalaminya.
- Kebenaran dinilai relatif, tidak mutlak dan saling berbeza antara budaya dengan budaya yang lain, individu dengan individu yang lain dan situasi dengan situasi yang lain.
- Relatif sebagai kata antonim bagi mutlak dan absolut.

# 1.1 Sejarah

- Idea-idea relativisme dikesan muncul seawal perkembangan falsafah Greek khususnya oleh beberapa tokoh Sophist seperti Xenophanes (570-475BC), Protagoras (490-420BC) dan Euripides (485-406BC).
- Tidak seperti aliran pemikiran falsafah lain yang menumpukan aspek metafizik dan saintifik, subjek pemikiran kelompok Sophist adalah berkenaan persoalan humanistik liberal.
- Gagasan pemikiran '*skeptical pragmatism*' yang dibawa oleh mereka telah melahirkan elemen baru dalam pemikiran Greek dengan menjadikan falsafah lebih bersifat spekulatif dan berpusat kepada dan berkenaan pemikiran manusia.



# 1.1 Sejarah


- Protagoras mengungkapkan 'slogan' yang menjadi asas pemikiran relativisme yaitu manusia ialah ukuran untuk setiap sesuatu (*man is the measure of all things*).
- “Setiap perkara yang datang (*phainesthai*) kepada saya, ia adalah untuk (berdasarkan pengetahuan) saya, dan perkara (sama) yang ditunjukkan kepada anda, ia adalah untuk (berdasarkan pengetahuan) anda.” – Protagoras [Theaetetus, Plato]
- Euripides: wujud bangsa selain Greek yang mengamalkan *incest* (sumbang mahram) sehingga perundangan di tempat tersebut tidak menghalang amalan yang dilakukan manakala pengamalnya tidak melihat ia suatu keaiban kerana telah diterima umum.
- Xenophanes: masyarakat yang berbeza mempunyai tanggapan berbeza tentang Tuhan. Orang Ethiopia mengatakan Tuhan mereka berkulit hitam dan berhidung kemek, manakala orang Thracia meyakini Tuhan mereka bermata biru dan berambut merah

## 1.2 Ciri-ciri relativisme

- Menafikan universalisme: tidak wujud satu persetujuan sejagat berkenaan kebenaran, kebaikan dan lain-lain.
- Menafikan absolutisme: tidak wujud nilai-nilai yang bersifat tepat dan tidak berubah seperti nilai kebenaran, kebaikan, keburukan dan lain-lain.
- Menafikan objektivisme: nilai kognitif, etika dan estetika tidak bebas dari pengaruh minda (*mind independent*). Nilai ini tidak mampu bebas tanpa bergantung kepada pemikiran manusia (yang saling berbeza).
- Menafikan monisme: tiada bidang yang menyediakan hanya satu pandangan, penilaian dan norma yang tepat. Relativisme mungkin menerima nilai-nilai tempatan (*local monism*) tetapi bukan nilai-nilai sejagat (*universal monism*).


# 1.2 Domain relativisme

Sesuatu makna




direlatifkan oleh bahasa

Kebenaran




direlatifkan dengan teori

Metafizik



direlatifkan dengan paradigma saintifik

Realiti




direlatifkan dengan budaya

Nilai ilmu




direlatifkan dengan masyarakat

Nilai moral



direlatifkan oleh individu

Nilai seni



direlatifkan oleh tempoh sejarah



# 1.2 Domain relativisme

- *Epistimological relativism* atau *objective relativism*: kebenaran dinilai benar untuk individu atau sekumpulan orang namun belum tentu dinilai benar oleh pihak lain. Dengan itu, tiada kebenaran sejagat yang dinilai betul atau salah secara objektif.
- *Religious relativism*: kebenaran sesuatu agama ditanggapi benar bagi penganut agama tersebut namun tidak bagi mereka yang lain. Oleh itu tiada agama yang secara eksklusifnya mempunyai kedudukan paling benar dan diterima benar secara sejagat oleh semua manusia di sepanjang zaman.
- *Moral relativism*: tiada nilai moral yang mutlak dan menafikan wujudnya sistem etika yang secara objektif mampu menentukan penilaian benar dan salah. Kebaikan atau keburukan sesuatu nilai adalah berbeza dan dengan itu tiada nilai moral yang secara eksklusifnya benar atau salah secara umum.
- *Cultural relativism*: setiap budaya mempunyai set nilai kepercayaan, moral, adat dan amalan yang khusus dan saling berbeza dengan yang lain.

# 1.3 Relativisme sebagai ciri asas pascamodenisme

- Isaiah Berlin (1909-1997) memperkenalkan istilah *Counter Enlightenment*, iaitu satu gerakan yang diperkenalkan dan muncul di akhir abad 18 dan awal abad ke 19 sebagai sanggahan kepada rasionalisme, universalisme dan empirisme. Gerakan ini menggunakan tradisi relativiti dan bersifat skeptikal dengan mempertikaikan autonomi akal dan metodologi sains tabii.
- Friedrich Nietzsche (1844–1900): penolakan terhadap nilai-nilai bersifat mutlak serta sejagat dan seterusnya mendokong faham nihilisme.
- Martin Heidegger (1899–1976): konsep fenomenologi eksistensialis (*existentialist phenomenology*) iaitu sesuatu kebenaran dibina atau dikonstruksi oleh manusia itu sendiri dari dalam dirinya sekaligus menolak kebenaran sejagat.
- Michel Foucault (1926–1984): kebenaran mutlak perlu dinafikan kerana ia hanya sebahagian dari retorika dalam sesuatu disiplin ilmu, manakala dakwaan terdapat hanya satu kebenaran merupakan 'topeng' kepada ideologi untuk mengekalkan survival dan kemahuan berkuasa.
- Jacques Derrida (1930–2004): memperkenalkan metode dekonstruksi sebagai suatu proses kritikan terhadap teks khususnya untuk mencari dan menyelongkar makna di sebalik apa yang tertera pada teks. Tiada tafsiran yang bersifat dominan dan autoritatif.

# 1.3 Ciri pascamodenisme

- Tiada kebenaran mutlak dan absolut. Idea tentang wujudnya kebenaran mutlak suatu ilusi yang dibuat-buat oleh sesetengah pihak untuk berkuasa dan mempengaruhi manusia lain.
- Benar dan salah saling sinonim. Suatu yang dianggap fakta hari ini boleh dinilai salah di kemudian hari.
- Pengkonsepsian diri sendiri dan rasionalisasi. Metodologi saintifik bersandarkan teori yang objektif digantikan dengan kebergantungan kepada pandangan diri sendiri.
- Kuasa autoriti oleh institusi tradisi seperti agama adalah palsu dan korup (menyeleweng). Nilai moral yang dipandu agama atau institusi sekular disebut suatu kekangan manakala kewujudan pihak autoriti agama dipertikaikan.
- Prinsip moral bersifat personal atau peribadi. Kod moral ditentukan sendiri secara peribadi oleh setiap individu tanpa dia perlu merujuk dan mengikut nilai dan peraturan 'tradisional.'
- Kepentingan globalisasi dan pengantarabangsaan. Kewujudan negara bangsa yang bersempadan menghalang komunikasi antara manusia bahkan disebut terbukti mengakibatkan peperangan.
- Setiap agama mempunyai kedudukan sama benar menurut perspektif penganut masing-masing (pluralisme). Dakwaan kebenaran eksklusif oleh sesuatu agama wajar dikutuk.

## 2. Perbahasan Baik dan Buruk menurut Asha'irah

- Persoalan nilai baik-buruk tidak dibincangkan secara terpisah namun sebahagian daripada wacana Usul al-Din khususnya berkait persoalan Af'al Allah dan Af'al al-'Ibad.

## 2.1 Konsep hakikat dan kewujudan

- Ulama kalam melakukan bidasan khusus terhadap kelompok Sophist (relativis) yang mendakwa hakikat sesuatu perkara tertakluk kepada kepercayaan masing-masing.

• حقائق الأشياء ثابتة والعلم بها متحقق خلافا للسوفسطائية

- Hakikat sesuatu perkara adalah sabit, pengetahuan tentang hakikat sebenar adalah disahkan berbeza dengan golongan Sofis. - *al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*
- Pengiktirafan terhadap kewujudan yang tidak hanya dihadkan kepada aspek berdimensi ruang-waktu dan *hyper-reality* tetapi membabitkan aspek di luar lingkungan pancaindera dan akal-merangkumi aspek fizik dan metafizik, rasional dan suprarasional, emperikal dan transempirikal.

## 2.1 Tiga kelompok Sofis (relativis) menurut al-Taftazani:

- *Al-La adriyyah (Ia adri)*: ragu-ragu terhadap keberadaan sesuatu sehingga menolak kemungkinan ilmu pengetahuan.
- *Al-'Indiyyah*: bersikap subjektif yaitu menerima pengetahuan dan kebenaran tetapi menolak matlamat keduanya. Matlamat dilihat subjektif ('*indi*) bergantung kepada pandangan peribadi.
- *Al-'Inadiyyah*: menafikan hakikat sesuatu dengan menganggap segalanya fantasi dan khayalan semata-mata.
- [Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah]
- Berlaku apabila mereka mencampuradukkan sumber dan batasan ilmu serta melihat hakikat kewujudan hanya berkait alam fizikal semata.



## 2.1 Sumber ilmu pengetahuan

- إن كنت ناقلًا فالصحة أو مدعيًا فالدليل
- Pengetahuan dicapai sama ada melalui nukilan atau dakwaan (melalui akal dan pancaindera).
- Nukilan: kepastian hubungan antara perkhabaran dengan sumbernya. (khabar sadiq)
- Pembuktian kepada kewujudan suatu hakikat perlu dibuktikan dengan metodologi yang sesuai dengan dakwaan yang dibuat.
- Hal yang berkait dengan aspek fizikal perlu dibuktikan melalui kajian empirikal melalui pemerhatian dan percubaan yang dilakukan oleh pancaindera.
- Suatu yang berkait dengan perkara abstrak seperti pemikiran dan angka pula, perlu diteliti melalui hukum akal.

## 2.2 Af' al al-'Ibad: Kebebasan

- Konsep ikhtiar (*ikhtiyar*). Ikhtiar dalam pengertian sebenar merujuk kepada aspek amalan, iaitu memilih antara dua pilihan sama ada baik atau buruk. Dengan pengertian ini, ia berbeza dengan maksud 'merdeka' yang merujuk kepada aspek keadaan.
- *Khara* (*khayara*): merupakan akar kata yang sama untuk perkataan '*khair*' yang bermaksud baik. *Ikhtiyar* merupakan pilihan terhadap apa yang baik, lebih baik atau terbaik antara dua kemungkinan. Pilihan terhadap sesuatu yang buruk pula tidak dinamakan *ikhtiyar* kerana memilih suatu yang buruk merupakan tindakan yang menzalimi diri sendiri dan bersalahan dengan konsep *ikhtiyar* itu sendiri.
- Pilihan bebas merupakan amalan memilih (bukan keadaan) hanya yang baik sahaja dan ia merupakan keadilan terhadap diri sendiri (meletakkan ia sesuai pada tempatnya). Amalan pemilihan ini memerlukan pengetahuan mengenai apa yang baik dan apa yang buruk. Konsep baik dan buruk ini pula bersumberkan wahyu Allah SWT.

## 2.2 Af'al al-'Ibad: Hak Asasi

- '*haqq*' bermaksud 'benar'. Ia merujuk kepada suatu keadaan, nilai atau sifat sesuatu yang saksama, wajar, adil, benar, betul, elok dan sesuai.
- Manusia tidak mempunyai hak untuk melakukan sesuatu kesalahan, kezaliman dan kejahatan kerana ia sendiri bukan '*haqq*' yang boleh dipilih untuk dilakukan.
- Kebebasan diri individu dalam Islam merujuk kepada kebebasan diri rohani dan bukannya jasmani. Ia dengan maksud manusia menundukkan kehendak diri jasmani kepada diri rohani dengan mematuhi sesuatu yang disifatkan baik iaitu keimanan serta hukum hakam yang ditetapkan oleh agama
- Keimanan mempunyai perkaitan erat dengan kebebasan kerana keimanan menghasilkan ketenangan kepada diri manusia. Ia dalam masa yang sama membebaskan manusia dari kebimbangan akibat syak kerana wujudnya keyakinan terhadap Allah SWT serta membebaskan manusia dari ketakutan terhadap nasib pengakhiran kehidupan mereka hasil keyakinan terhadap pembalasan di hari akhirat.
- Hal ini memperuntukkan kepada manusia untuk mengetahui perbuatan apakah yang dinilai baik dan buruk menurut Allah SWT.

## 2.3 Definisi Baik dan Buruk

- Husn: baik, elok dan menyenangkan, sifat baik yang secara khususnya ditujukan kepada sesuatu perbuatan; menepati tabiat diri manusia
- Qubh: buruk dan tidak menyenangkan; asing dan jelik oleh diri sama ada ia berupa perbuatan atau keadaan.
- Khayr: baik dan keutamaan dari segala sesuatu; apa yang diingini oleh semua orang yang memiliki fitrah yang sejahtera seperti kepintaran, keadilan, keutamaan dan sesuatu yang bermanfaat seperti ilmu, harta dan lain-lain.
- Sharr: buruk, jahat, kejam, dengki dan rosak.

## 2.4 Nilai Baik Buruk menurut Asha'irah

- Sesuatu nilai dihukum berdasarkan faktor luaran dan bukan pada hakikatnya (zat):
  - A. sesuatu nilai atau sifat dilihat dapat memberi pelbagai faedah atau menimpakan pelbagai mudarat seperti manfaat bersikap amanah atau mudarat dari perlakuan khianat.
  - B. Sesuatu perbuatan mampu memberi ganjaran pahala atau azab neraka di akhirat seperti balasan syurga bagi mereka yang jujur dan azab neraka bagi mereka yang berbohong.
  - C. Diri manusia telah disemulajadikan untuk menghormati dan menerima sifat yang baik serta benci dan menolak sifat yang buruk.

## 2.5 Baik (al-Ḥuṣṇ) dan Buruk (al-Qubḥ) menurut Ashā'irah

- Baik-buruk perlu difahami melalui syariat (wahyu) dan bukan dinilai berdasarkan zat yang mampu diketahui akal.
- Al-Taftāzānī dan al-Ijī: baik ialah apa yang diperintahkan oleh Allah SWT (pujian) manakala buruk pula ialah apa yang ditegah oleh-Nya (kejian).
- Baik-buruk ditentukan melalui aspek suruhan dan larangan Allah SWT (aspek luaran) samaada suruhan itu berupa wajib, sunat dan harus atau larangan iaitu haram dan makruh. Ia tidak boleh dinilai berdasarkan zat semata-mata.
- Perbuatan mukallaf tidak terlepas dari salah satu dari hukum-hukum yang ditetapkan syariat.



## 2.5 Baik (al-Ḥuṣṇ) dan Buruk (al-Qubḥ) menurut Ashā'irah

- Menurut al-Ghazali, tanpa wahyu, akal tidak mampu mengetahui sesuatu perbuatan yang diganjar pahala yaitu baik dan perbuatan yang dibalas dosa yaitu buruk.
- Akal juga tidak dapat menjadikan sesuatu itu wajib dan menentukan apakah kewajiban yang perlu dilakukan (baik) dan apakah yang perlu dihindarkan (buruk). Syariat datang memberitahu manusia perbuatan apa yang menghasilkan pahala (baik) dan perilaku apakah yang mendatangkan dosa (buruk).
- al-Ghazālī: penilaian yang dilakukan oleh manusia adalah tidak objektif kerana ia mampu dipengaruhi aspek kejahilan, perasaan, emosi serta berdasarkan andaian yang tidak muktamad.

## 2.5 Baik (al-Ḥuṣṇ) dan Buruk (al-Qubḥ) menurut Ashā'irah

- Perbuatan baik yang sebenar ialah perbuatan yang dilakukan sesuai dengan tujuan masa depan hakiki iaitu akhirat.
- Perbuatan buruk pula ialah sebaliknya iaitu perbuatan yang menyebabkan manusia di azab di akhirat.
- Tujuan di akhirat dan perbuatan apa yang boleh dilakukan untuk mencapai tujuan tersebut hanya mampu diketahui melalui syariat.
- Konsep baik atau buruk mengikut atau bergantung kepada penetapan Allah SWT bukan sebaliknya iaitu Dia bergantung atau terdorong kepadanya.

# 3. Bidang kepada faham relativisme

- Penerimaan relativisme dalam agama mengakibatkan status eksklusif agama dinyahnilaikan. Toleransi menerima maksud baru di kalangan relativis apabila didefinisikan sebagai sikap atau pegangan yang menerima kebenaran dan kesalahan yang pelbagai.
- Toleransi dilihat sinonim dengan pluraliti, dua perkataan yang bercanggah pada aspek etimologi namun diterima untuk membenarkan relativiti.
- Suatu yang ironi apabila toleransi menurut relativisme cuba dijadikan suatu keharusan umum (yang mutlak) dalam konteks pluraliti, sedangkan jika disandarkan kepada fahaman ini seharusnya 'toleransi' itu sendiri dibiarkan bersifat relatif.

# 3. Bidasan kepada faham relativisme

- perspektif mengenai pluraliti boleh diterima pada tahap di mana penganut memperakui wujudnya 'tanggapan kebenaran yang berbeza' bagi penganut agama yang berbeza. Namun, ia menimbulkan permasalahan apabila turut diandaikan hakikat kebenaran itu sendiri adalah berbeza dan memutlakkan kemajmukan kebenaran.
- Dalam konteks ini, agama disamakan dari sudut perakuan wujudnya kebenaran yang pelbagai dan saranan kepada para penganut untuk meyakini agama sendiri tanpa perlu menganggap ia satu-satunya wadah kebenaran.
- Perakuan kepada hakikat kebenaran yang berbeza ini adalah sikap dan pendirian yang ganjil. Ia menjadikan kebenaran bersifat mutlak dalam suatu agama dan dalam masa yang sama bersifat nisbi apabila berhubung dengan penganut agama yang lain.
- Tiada keyakinan muktamad mampu diputuskan untuk kepercayaan seperti ini. Sikap sebegini melahirkan faham skeptisisme terhadap agama iaitu meragui apa yang dipercayai sehingga seterusnya melihat agama hanya keyakinan individu tentang kebenaran menurut perspektif masing-masing.

# 3. Bidang kepada faham relativisme

- Metode dekonstruksi: mengkritik teks termasuk kitab agama yang disifatkan statik, universal dan historis seperti yang dipegang oleh pendokong strukturalisme tetapi sebaliknya perlu dilihat dinamik dan relative.
- Setiap teks tidak sekadar memperlihatkan satu makna khusus tetapi sebaliknya tersembunyi di sebalik teks tersebut jaringan teks lain yang mempunyai makna lain yang pelbagai.
- Kesannya, teks atau tulisan tidak lagi dilihat sebagai wahana penyampaian ilmu yang benar dan absolut. Ini kerana dekonstruksi teks bertujuan menunjukkan 'kegagalan penulis' menghadirkan kebenaran absolut melalui usaha 'membongkar' agenda tersembunyi yang terkandung di sebalik teks.
- Ia dengan itu berbeza dengan pembacaan teks yang biasa kerana melalui bacaan biasa tujuannya untuk mendapatkan makna yang tepat dari teks namun bagi dekonstruksi ia cuba melihat 'ketidakupayaan' teks sebagai medium kebenaran mutlak.
- Mengimplikasikan dekonstruksi terhadap agama itu sendiri termasuklah meruntuhkan autoriti ilmuwan agama.
- Agama tidak lebih menjadi sekadar pengalaman spiritual dan pemikiran peribadi manusia yang relatif dan bukannya suatu keyakinan mutlak



# 3. Bidang kepada faham relativisme

- Suatu nilai yang diterima umum tidak bermakna nilai itu baik dan wajar diteruskan. Amalan perhambaan yang diamalkan di hampir pelusuk dunia dan apartheid yang dijadikan polisi negara di Afrika Selatan suatu ketika dahulu diterima umum namun tidak bermakna ia baik dan benar.
- Bahkan penerimaan umum sebagai hujah itupun boleh dipertikai kerana wujud gerakan penentangan terhadap rejim Apartheid dari rakyat negara itu sendiri.
- konsensus majoriti tidak pernah menjadi nilai penentu dalam moraliti sebaliknya penentuannya bersandarkan kepada nilai sejagat. Dalam konteks ini kedudukan manusia sewajarnya dilayani sesuai dan selayaknya selaku manusia seperti yang diajar agama.



# 3. Bidang kepada faham relativisme

- Relativis melakukan andaian salah apabila mengaitkan relativiti hanya pada pengamalan tanpa melihat kepada prinsip moral yang dipegang di sebalik amalan tersebut.
- Di India pernah diamalkan ritual *sati* di mana si isteri yang kematian suami akan turut dibakar hidup-hidup sebagai tanda kesetiaan dan kecintaan terhadap sang suami.
- Dalam konteks prinsipnya, nilai setia dan cinta suatu yang baik dan ia diterima umum oleh setiap manusia namun apabila diterjemahkan kepada ritual seperti di atas, maka ia suatu yang buruk untuk dilakukan kerana mengorbankan nyawa sendiri.
- Relativis keliru dalam membezakan moral dengan situasi dan keadaan yang memanifestasikan perlaksanaan terhadap nilai moral tersebut. Perlakuan moral yang berbeza tidak semestinya menunjukkan nilai itu berbeza kerana perlakuan dan amalan yang dilakukan tetap berpaksikan kepada prinsip nilai moral yang universal. Yang membawa perbezaan adalah bagaimana ia dimanifestasikan.
- Atas asas tersebut agama menyediakan suatu nilai jelas berkait persoalan baik buruk termasuk dalam persoalan hukum hakam yang melihat juga pada pelbagai situasi dan keadaan.

# 3. Bidang kepada faham relativisme

- Perakuan bahawa nilai benar salah diperakukan oleh norma budaya masyarakat akan mengakibatkan pemaksaan nilai terhadap setiap individu dalam kelompok budaya tersebut.
- Individu yang baik dinilai baik kerana mengikut norma budaya masyarakatnya walaupun kemungkinan nilai itu secara umumnya salah.
- Nilai moral menurut relativisme tidak lebih sekadar adat kebiasaan sesuatu komuniti semata.
- Spektrum benar salah yang kabur dan tidak jelas secara mutlaknya membenarkan berleluasanya kewenangan oleh manusia untuk melakukan apa yang dirasakannya benar.
- relativisme dalam moral tidak lebih sebagai fahaman yang bersifat deskriptif semata dan tidak konstruktif.

# Kesimpulan

- Relativisme: perubahan sebagai suatu realiti mutlak.
- Hakikat sesuatu didakwa pasti berubah kecuali perubahan itu sendiri.
- Akhirnya ia melahirkan realiti relatif yang menjadi ciri utama peradaban Barat yang mementingkan perubahan termasuk pada aspek agama.
- Relativisme hanya melahirkan semangat berdebat dan berpolemik demi menyanggah autoriti dalam sesuatu bidang.
- Ia hanya bersifat reaktif terhadap nilai sedia ada, tidak menyediakan suatu pengetahuan baru dan sebaliknya menawarkan pengetahuan yang tidak mengikat hingga apa yang terzahir bukannya kefahaman tetapi perasaan yang skeptik.
- Relativisme adalah suatu faham yang secara dasarnya bertentangan dengan faham itu sendiri kerana hujah yang dibawa relativisme sepatutnya relatif untuk mereka dan tidak boleh diumumkan untuk semua. Namun apa yang berlaku adalah sebaliknya apabila mereka mensejagatkan kerelatifan ke setiap bidang termasuk aspek epistemologi dan ontologi.
- Al-Farabi: tahap akhir proses belajar ialah mencapai keyakinan (bukannya keraguan seperti yang ditunjukkan relativis)

- TERIMA KASIH